

14 MAR 2000

Kedutaan

KEDUTAAN MALAYSIA KECAM LIDAH PENGARANG WASHINGTON

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 14 Mac (Bernama) -- Kedutaan Malaysia di Washington pada Isnin mempertahankan negara dengan mengutuk kritikan tajam lidah pengarang Washington Post mengenai Malaysia.

Timbalan Ketua Misi Malaysia Dr Fauziah Taib dalam jawapan kepada lidah pengarang Post, mengkritik akhbar harian itu kerana gambarannya yang tidak tepat mengenai Malaysia dan tindakan bersahajanya yang mengambil mudah isu-isu tertentu dan memilih-milih dalam mengemukakan fakta.

Lidah pengarang itu yang bertajuk "Illiberal Malaysia," (Malaysia yang tidak liberal) yang disiarkan akhir Februari, mengkritik teruk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan caranya mengendalikan kes bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Akhbar harian itu menggambarkan penahanan dua tokoh pembangkang baru-baru ini sebagai tindak balas terhadap kemenangan yang lebih kecil daripada yang dijangkakan, yang diperolehi Barisan Nasional pimpinan Dr Mahathir, dalam pilihan raya umum November lepas yang didakwanya separuh bebas.

Dr Fauziah mengingatkan akhbar itu bahawa Dr Mahathir adalah pemimpin yang dilantik dalam sebuah kerajaan awam yang diberi mandat semula untuk memerintah menerusi pilihan raya yang bebas dan adil.

Beliau berkata dengan mengadili pilihan raya umum Malaysia baru-baru ini sebagai "pilihan raya Parlimen separuh bebas", akhbar itu telah memperkecil-kecilkan sistem pilihan raya bebas Malaysia dan keyakinan ramai rakyat Malaysia terhadap sistem demokrasi.

"Demokrasi di Malaysia wujud memandangkan bahawa pihak pembangkang bukan sahaja memperolehi tambahan kerusi Parlimen dan negeri tetapi juga memenangi satu lagi kerajaan negeri dalam pilihan raya pada November," katanya kepada akhbar itu dalam sepucuk surat yang disiarkan pada Isnin.

-- BERNAMA

SH RHM RON